



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur  
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

---

( )KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 35

20 Julai 2009

Pengarang  
Sinar Harian

Tuan/Puan,

**Akhbar : Sinar Harian**  
**Tarikh : 10 Julai 2009**  
**Muka surat : S14**  
**Tajuk : Kesal lubang pili bomba diturap**

Saya ingin merujuk kepada aduan pembaca di dalam akhbar Sinar Harian bertajuk "**Kesal lubang pili bomba diturap**". Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengucapkan terima kasih kepada En. Manimaran Muthu dan pihak Sinar Harian kerana mengutarakan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan siasatan berhubung aduan yang dibuat pada 13 Julai 2009.

Sebelum membuat kerja-kerja penurapan jalan, pihak kontraktor yang dilantik oleh pihak berkuasa perlu memaklumkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berhubung dengan kerja-kerja yang akan dijalankan. Seterusnya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan mengenalpasti pili bomba sama ada dalam bentuk ground hydrant atau jenis pillar hydrant tidak diganggu semasa kerja-kerja penurapan dijalankan. Oleh hal yang demikian, pihak kontraktor yang dilantik oleh pihak berkuasa melantik adalah bertanggungjawab penuh dalam memastikan pili bomba tidak diganggu, pili bomba berada dalam keadaan kemas dan selamar serta boleh digunakan pada bila-bila masa selepas kerja-kerja dilaksanakan di kawasan pili bomba berkenaan.

Hasil siasatan mendapati bahawa kontraktor yang dilantik oleh pihak berkuasa tidak memaklumkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebelum melaksanakan kerja-kerja di kawasan pili bomba tersebut. Siasatan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat juga mendapati jarak di antara tiang dan chamber pili bomba yang diturap berada dalam lingkungan 35 kaki. Sehubungan itu, pihak DBKL akan mengorek semula chamber pili bomba yang telah diturap. Sebagai alternatifnya, terdapat dua pili bomba yang terletak dalam lingkungan jarak 200 kaki dan 300 kaki dari pili bomba yang telah diturap untuk kegunaan sekiranya berlaku kecemasan.

**Jessylina Mat Lazim**  
**Ketua Komunikasi Korporat**  
**b.p Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**